

28 NOV 1996

PELAN: LAPAN KUMPULAN DIKENALPASTI SEBAGAI KELOMPOK PERINDUSTRIAN BERDAYA SAING

KUALA LUMPUR, 28 Nov (Bernama) -- Pelan Induk Perindustrian (PIP2), yang berasaskan pendekatan berkelompok bagi pembangunan perindustrian, telah mengenalpasti lapan kumpulan industri yang berpotensi dimajukan sebagai kelompok perindustrian berdaya saing.

Kumpulan-kumpulan ini ialah industri elektrik dan elektronik; pengangkutan; kimia; tekstil dan pakaian; bahan berasaskan sumber dan bahan maju; keluaran berasaskan pertanian dan makanan; serta jentera dan kelengkapan.

Sebahagian daripada kumpulan-kumpulan ini, seperti industri elektrik dan elektronik, serta tekstil dan pakaian berpotensi menjadi kelompok-kelompok tersendiri manakala yang lainnya berpotensi dimajukan menjadi satu kelompok.

Kelompok ialah pengumpulan aktiviti yang saling berkait atau mempunyai hubungan yang merangkumi industri, pembekal, perkhidmatan perniagaan sokongan yang penting, serta prasarana dan institusi yang diperlukan, demikian menurut Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dalam laporan PIP2 yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini hari ini.

Empat unsur utama yang menjadi teras kepada pembangunan perindustrian berasaskan kelompok ialah kelompok; nilai ditambah dan rantai nilai; pembekal utama; dan asas ekonomi yang diperlukan.

Kelapan-lapan kumpulan yang dikenalpasti sebagai kelompok berpotensi merupakan 76.0 peratus daripada nilai ditambah dalam sektor pembuatan dalam tahun 1995 dan sumbangannya dijangka mencapai 98.9 peratus menjelang tahun 2005.

Kelompok-kelompok industri yang berpotensi ini terbahagi kepada tiga kategori -- kelompok yang dihubungkan di peringkat antarabangsa yang sebahagian besarnya berteraskan syarikat multinasional; kelompok berasaskan sumber di mana tahap penglibatan dan pemilikan oleh rakyat tempatan adalah tinggi; dan kelompok yang berteraskan dasar, iaitu satu kategori yang dikenalpasti oleh kerajaan sebagai industri strategik dan penting bagi pembangunan.

Menurut laporan itu pendekatan berasaskan kelompok tidak hanya memberi penekanan kepada pertumbuhan sektor perkilangan semata-mata, tetapi yang lebih penting ialah pertumbuhan yang seiring dalam industri sokongan, yang juga merangkumi sektor perkhidmatan.

Ia juga akan memberi peluang kepada syarikat-syarikat dalam negeri, termasuk Industri Kecil dan Serderhana (IKS), untuk mencapai ekonomi bidangan yang diperlukan untuk berdaya saing dalam pasaran serantau dan juga pasaran antarabangsa. -- BERNAMA

AA KY MA